

UUM ONLINE: Bekas Jurutera Awam, Jabatan Kerja Raya (JKR) Kedah, Ir Md Uzairin Saidin memulakan tugas sebagai Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP), Universiti Utara Malaysia (UUM).

Beliau yang berpengalaman luas selama 27 tahun di JKR melaporkan diri di Jabatan Pendaftar jam 8 pagi tadi sebelum mengadakan kunjungan hormat Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Abdul Razak Saleh.

Ir Md Uzairin ketika berucap di majlis sambutan beliau di Bilik Mesyuarat Utama JPP berharap akan mendapat kerjasama dan sokongan dari semua pihak bagi mencapai visi dan misi UUM.

"Saya akan memastikan pengalaman saya bersama JKR akan dikongsi bersama staf dalam usaha meningkatkan lagi imej JPP di mata warga UUM dan saya berharap warga JPP dapat mengamalkan budaya keseronokan dalam bekerja untuk mewujudkan suasana kerja yang sihat," katanya lagi.

Sementara itu, di majlis yang sama, Prof Dr Abdul Razak Saleh mengucapkan tahniah atas perantikan Ir Md Uzairin sebagai Pengarah JPP menggantikan Ir Chong Boo Chon yang telah tamat perkhidmatannya pada Ogos tahun lalu.

"Saya berharap, perantikan beliau ini dapat mengukuhkan JPP sebagai jabatan yang penting di universiti ini, kerana penentu kejayaan sesebuah institusi bermula dengan setiap perancangan yang bermula di JPP," tambah beliau lagi.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my